# KERATAN AKHBAR

**NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (MENJELANG TAHUN 2020)**

**TARIKH: 27 DISEMBER 2019** **MUKA SURAT: 12**


## Larangan penggunaan straw plastik konvensional



**BAGI** menjaga kelestarian alam sekitar, kerajaan turut menguatkuasakan larangan penggunaan straw plastik konvensional berkuatkuasa 1 Januari 2020.

Larangan itu tidak membabitkan orang ramai sebaliknya dikuatkuasakan kepada peniaga dan pengusaha kedai yang mempunyai lesen perniagaan.

Penguatkuasaan larangan itu akan ditujukan kepada peniaga dan pengusaha kedai makan yang menjadi pemegang lesen perniagaan dan bukan terhadap rakyat.

Pada masa sama, straw yang bukan daripada jenis plastik konvensional akan turut disediakan sebagai alternatif.